

ISSUE #05/14 SEPTEMBER 2024

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



CINTA
Fazura
Fattah

YANG TAK PANJANG

6
3
0

P5 PLUS



► 20A

Setiap hal ada masanya. Sama ada cepat, lambat, suka, duka, sedia atau tidak kita sebagai manusia memegang pilihan tetapi keputusannya tetap ada pada Yang Esa.

Begitulah, cinta Fazura dan Fattah Amin yang tidak panjang. Sekurangnya begitu yang boleh diperkatakan setelah isu keretakan rumah tangga yang didengar sebelum ini hampir menjadi nyata.

Dilihat seperti pasangan dua sejoli, kasmaran asmara yang pernah membawa kini redup ; hanya mereka berdua yang tahu prahara apa telah menyerang biduk perkahwinan yang dibina selama tujuh tahun ini sehingga akhirnya perlu dileraikan.

Nur Fazura Sharifudin, 40, memfailkan perceraian kepada Fattah Amin, 33. Begitu tajuk berita yang membuat Jumaat dalam suasana separuh mendung berjerebu di ibu kota menggegarkan bukan hanya industri hiburan tetapi rakyat jelata.

Masakan tidak, pasangan Fazura dan Fattah cukup sohor di Malaysia. Mereka masing-masing memiliki pengikut yang cukup ramai. Fazura dengan 6.1 juta pengikut manakala bintang filem Mat Kilau itu pula diikuti 3.6 juta pengguna media sosial sudah cukup membuat semua bergegar mendengar berita duka perpisahan mereka.

Sementelah ibu dan bapa kepada si cilik Nur Fatima Aisyah, 4, sebelum ini dilihat sebagai sangat ideal. Sejak menikah pada tahun 2017 mereka cukup lenggeng bersama (abadi).

Sempat juga keduanya dijadikan idola dan pempengaruh sebagai pasangan berkahwin yang layak dicontohi sama ada dari segi menjaga rumah tangga atau membesarkan anak bersama.

Pendek kata, tujuh tahun melayari alam rumah tangga selepas menikah pada 27 November 2017 secara tertutup di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, asmara Fazura dan Fattah kelihatan sentiasa membawa. Kerukunan rumah tangga mereka sentiasa membuat peminat mendoakan agar Fazura dan Fattah kekal sampai ke syurga.

Namun takdir berkata lain. Sepertinya cinta Fattah dan Fazura tak panjang. Cinta Fattah dan Fazura kini di awangan menanti takdir menjemput pulang ke diri sendiri dan 'bersemayam' tenang.

Inilah hidup ; ia tidak selalu memberi apa yang kita mahukan.

Akan selalu ada kejutan bak kembang api. Seperti bagaimana Fazura wanita yang penuh senyuman dan sopan ini tegar mengakhiri perkahwinan dengan sebuah perceraian.

Meski keduanya sempat (pasti) mahu menyelamatkan rumah tangga yang sebelum ini didakwa sudah berantakan tapi barangkali perceraian — hal yang dibenci agama yang menoreh perih di dada juga terpaksa menjadi pilihan.

Padahal Fazura dalam kehidupannya sebagai isteri pernah menyifatkan Fattah sebagai suami hebat dan sangat disayangi tetapi sekali lagi perlu ingat hidup dan seluruh isinya adalah misteri.

P5 PLUS



► 18A



Legasi Fattura Berakhir, Ini 7 Detik Penting Mereka

Layaknya pasangan yang akan mengakhiri kisah asmara mereka bak dongeng masa silam namun percintaan Fazura dan Fattah Amin menuju perceraian.

Cinta mereka kini seperti sepasang terima kasih — kata penting yang diakhiri atas perjalanan panjang dengan segudang kenangan manis nan menghairahkan.

Merah bak biji saga, cinta Fazura dan Fattah. Apa sahaja lagi momen yang pernah dicipta sejak fasa pasangan kekasih, hidup berdua dan kehadiran Fatima sang cahaya mata, GME kongsikan anekdotnya di sini:

1. Hero Seorang Cinderella

Hero Seorang Cinderella pada tahun 2017 mempertemukan Fazura dan Fattah Amin. Siapa sangka, drama itu menjadi titik mula kisah cinta mereka!

2. 500 kuntum bunga mawar

Fattah Amin pernah memberikan kejutan istimewa kepada Fazura dengan menghadiahkan 500 kuntum mawar sempena hari lahirnya sekitar tahun 2017.

3. Perkahwinan paling popular

Perkahwinan mereka bukan sahaja disiarkan di televisyen, tetapi juga mencatat rekod sebagai salah satu majlis perkahwinan selebriti yang paling banyak ditonton di Malaysia ketika itu.

4. Lagu Wanita Terakhir

Fattah menulis lagu "Wanita Terakhir" sebagai dedikasi kepada Fazura sebelum mereka berkahwin. Lagu tersebut kemudian menjadi lagu tema cinta mereka.

5. Pengaruh dunia fesyen

Fazura dan Fattah menjadi ikon fesyen di Malaysia, malah mereka pernah dilantik sebagai duta jenama mewah antarabangsa.

6. Tarikh lahir dekat-dekat

Fazura dan Fattah sebenarnya berkongsi tarikh lahir yang sangat dekat —Fattah dilahirkan pada 14 September dan Fazura pada 27 September.

7. 'Fattura'

Peminat mereka memberikan gelaran "Fattura" sebagai gabungan nama Fattah dan Fazura. Malah, hashtag #Fattura sering menjadi trending di media sosial.



Padah Kongsi Konten Di Media Sosial

Seorang pemuda berusia 24 tahun, dikenali sebagai Abang Bas, berdepan dengan dua pertuduhan serius di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Pertuduhan ini termasuk amang seksual dan amang seksual bukan fizikal, yang membawa denda lebih RM20,000.

Ia bukanlah perkara yang berbaloi untuk dilalui atas dasar perlakuan tanpa maksud dan ‘suka-suka’. Namun itulah natijah yang layak diterima Abang Bas.

Ini adalah satu contoh terbaharu yang patut diteladani dan diambil ikhtibar oleh semua pengguna media sosial bahawa penggunaan yang semberono untuk memiliki konten menarik akan membawa padah.

Berikut adalah contoh pengguna yang menerima ‘malang’ kerana media sosial.



1.



AHMAD DHANI

Pengasas Dewa 19, Ahmad Dhani, dipenjarakan selama 18 bulan di Cipinang, Jakarta Timur, kerana menyebarkan mesej kebencian di Twitter pada 2019. Kenyataan tersebut dibuat semasa bantahan terhadap bekas Gabenor Jakarta, Ahok, yang dituduh menghina agama Islam. Walaupun dihukum, Dhani menganggap pengalamannya di penjara sebagai hadiah daripada Tuhan.

2.



SHUIB

Seorang pengguna media sosial, John Dihani, dihukum kerana fitnah terhadap Shuib dan Allahyarham isterinya, Siti Sarah Raissuddin. John diperintah membuat permohonan maaf terbuka dan membayar denda yang tidak dinyatakan. Shuib, 40, memilih untuk menyumbangkan wang kemenangan saman kepada tabung Palestin di bawah Yayasan Nurjiwa. Terdahulu John mendakwa Siti Sarah ditidurkan secara paksa kerana Shuib ingin membuktikan ibu mengandung risiko tidak mengambil vaksin.

3.



REMI LUCIDI

Pempengaruh media sosial terkenal, Remi Lucidi (Remi Enigma), maut pada usia 30 tahun selepas terjatuh dari bangunan pencakar langit Menara Trengunter di Hong Kong semasa cuba melakukan cabaran untuk konten media sosial. Detik cemas kematiannya dirakam oleh kamera yang dipasang.

Miss Universe Sandra Lim Mahu Harumkan Nama Malaysia Di Pentas Dunia



Selepas dinobatkan sebagai Miss Universe Malaysia 2024, pelakon dan peragawati Sandra Lim memasang impian untuk mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Sandra, 23, yakin usaha kerasnya akan membawa hasil.

"Untuk mewakili nama negara ke dunia luar saya rasa memang perlu berusaha lebih."

"Bukan sekadar mengikuti apa yang sudah ditetapkan tetapi perlu melangkaui apa yang masih belum dilakukan oleh orang lain," katanya yang bakal bertanding di pentas global Miss Universe ke-73 pada Oktober ini di Mexico.

Sebelum ini, Sandra pernah meraih gelaran naib juara Miss Global 2022 di Indonesia.

Dinobatkan sebagai Miss Universe Malaysia 2024, Sandra mengetepikan 15 finalist lain, dengan Gianna Tan dan Temara Inigo meraih tempat kedua dan ketiga.





Takluk: Lahad Datu Kutip RM20 Juta

Filem aksi Takluk: Lahad Datu berjaya meraih kutipan sebanyak RM20 juta dalam tempoh 12 hari tayangan.

Diterbitkan oleh Kembara Sufi Productions, filem ini diarahkan oleh Ahmad Idham dan diinspirasi daripada kisah benar yang terjadi di Lahad Datu, Sabah pada tahun 2013.

Filem ini menampilkan barisan pelakon hebat seperti Eman Manan, Syafiq Kyle, Kamal Adli, Fikry Ibrahim, Anding Indrawani Zaini, Josiah Hogan dan ramai lagi.



Dua beradik yang bergelut memulakan perniagaan pinjaman wang, menghadapi tantangan hebat daripada pesaing Ah Long. Mereka mesti menyelamatkan seorang tukang jahit daripada musuh yang kejam sambil cuba berjaya dalam perniagaan untuk menghormati mandat bapa angkat mereka.



The Greatest of All Time (GOAT) menampilkan Thalapathy Vijay dalam dua watak berbeza. Teknologi de-aging digunakan untuk menggambarkan watak muda dan tua Vijay. Filem ini membawa elemen nostalgia dengan kemunculan pelakon 80-an seperti Mohan dan mendiang Vijayakanth menggunakan teknologi AI.

GMW Cari Hos Baru!

Berpengetahuan luas dalam dunia hiburan tempatan dan trend media sosial terkini? Andalah calon hos baharu Gempak Most Wanted (GMW) yang dicari!

Jom hantarkan penyertaan untuk mengemudi Gempak Most Wanted weekly show & Gempak Most Wanted Awards 2024!

Ikuti cara-caranya:

- Muat naik video penyertaan di TikTok/Instagram
- Set akaun kepada PUBLIC
- Tag @astrogempak di video dan caption
- Sertakan hashtag #PencarianHosGMW #HostGempakMostWanted #GempakMostWanted
- Isi borang penyertaan anda di gempak.com/gempakmostwanted
- Tarikh tutup penyertaan 30 November 2024

Sementara itu, carta mingguan GMW menyaksikan pelakon yang sedang meningkat naik, Jazmy Juma kembali merampas takhta Selebriti Trending. Manakala Eima Safuan dan Khairul Aming mendahului carta Digital Creator Trending (Beauty & Fashion) serta Digital Creator Trending (Foodie).

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu. Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

DIGITAL CREATOR TRENDING (BEAUTY & FASHION)

1. Eima Safuan
2. Tyra Kamaruzzaman
3. Thuraya Nur
4. Rizwan
5. Agy

DIGITAL CREATOR TRENDING (FOODIE)

1. Khairul Aming Cooking
2. Ow To The Zie Cooking
3. Che Sayang Kitchen Cooking
4. Che Nom Cooking
5. Iman Rashid Food Review

SELEBRITI TRENDING

1. Jazmy Juma
2. Meerqueen
3. Scha Elinnea
4. Erysha Emrya
5. Siti Khadijah Halim

VIDEO MUZIK

1. Belum Mulai
2. Puas Sudah
3. Masing-Masing
4. Classic
5. My Home Is In Your Arms

X □ -

GEMPAK MOST WANTED
YANG PENTING, TRENDING!

Video Terbaru

Bersanding Seorang Diri, Ananda Natasha | Motif Trending

ANANDA NATASHA BERSENDIRIAN | MOTIF TRENDING

Bersanding Seorang Diri, Ananda Natasha Diceraiakan Atas Taliain! | Motif Trending

Gempak Most Wanted

Gempak Most Wanted merupakan sebuah rancangan carta interaktif mingguan memfokuskan segala yang trending, viral & sensasi di semua platform digital. Dihoskan oleh Amelia Henderson & Sean Lee.


Carta Mingguan Gempak Most Wanted

Undi carta mingguan Gempak Most Wanted sekarang dan tentukan Top 5 setiap minggu!

HANTARKAN PENCALONAN UMUM ANDA

UNDI CALON BULAN OGOS SEKARANG!

CARTA MINGGUAN



Suka Duka Mama Instant!

Uncle Bos Mama, memaparkan kisah seorang wanita, menjadi bidan terjun sebagai seorang 'mama instant' mengharungi hari-hari yang mencabar dalam membesarkan 4 orang anak jagaannya.

Drama arahan Hadith Omar ini dibintangi Meerqueen, Yusuf Bahrin, Ezani Jasny, Riz Amin dan ramai lagi.

Siri drama ini mula bersiaran pada 9 September, setiap Isnin hingga Khamis, jam 10 malam menerusi saluran Astro Ria (saluran 104) dan strim menerusi platform On Demand, Astro Go dan Sooka.



Kelas Tahanan Cikgu Hiragi Adaptasi Drama Jepun

Kelas Tahanan Cikgu Hiragi diadaptasi daripada drama Jepun Mr Hiiragi's Homeroom karya Shogo Muto dan diterbitkan oleh Nippon TV.

Ia mengisahkan Cikgu Hiragi, seorang guru seni di Sekolah Raja Ishak, menahan pelajar Tingkatan 5A sepuluh hari sebelum tamat sekolah untuk membongkar misteri kematian seorang pelajar. Kejadian hitam ini telah disembunyikan oleh

rakan-rakannya, dan tiada siapa yang dibenarkan keluar sehingga kebenaran terungkap.

Diarahkan oleh Micheal Ang, drama ini dibintangi oleh Nadhir Nasar, Qistina Rania, Arena Wan dan ramai lagi.

Kelas Tahanan Cikgu Hiragi akan ditayangkan di Slot DramaVaganza, Astro Ria bermula 25 September 2024.



Versi Eksklusif Pendekar Awang & Tok Gajah: Darah Indera Gajah

Astro First akan menayangkan filem epik Pendekar Awang & Tok Gajah: Darah Indera Gajah mulai 12 September di saluran Astro 480, On Demand, Astro GO, dan sooka.

Filem ini hadir dalam versi lanjutan eksklusif yang tidak ditayangkan di pawagam, menampilkan babak tambahan dan perkembangan watak yang lebih mendalam.

Dibintangi oleh Fattah Amin, Fazura, Nadhir Nasar, dan ramai lagi, filem terbitan Studio Kembara ini mengisahkan perjuangan Pendekar Awang dan Tok Gajah mempertahankan tanah air daripada ancaman musuh. Filem ini juga menawarkan visual sinematik dan aksi mendebaran.

Penonton boleh melanggan filem ini dengan harga RM16.20 di Astro atau RM19.50 di sooka untuk tontonan selama 48 jam, menawarkan pengalaman epik yang wajib ditonton.

MLS4 Kembali Dengan Tema Magika!

Muzikal Lawak Superstar 4 (MLS4) kembali menampilkan kombinasi pempengaruh, pelakon dan pelawak!

Bertemakan elemen ‘Magika’, sebagai nadi persembahan setiap kumpulan, menceritakan kisah-kisah hikayat dahulu atau cerita dongeng dalam lawak mereka secara lakonan spontan.



‘Muzikal Lawak Superstar 4’ menampilkan 10 kumpulan yang bakal bertanding untuk merebut gelaran juara.

Antara yang bakal berentap pada tahun ini ialah Ali Puteh, Puteri Sarah Liyaha, Harris Annuar, Yah Kuai, Isyariana, Nasz Sally, Eric Puzi dan ramai lagi.

Sementara itu, Saiful Apek, Harith Iskander, dan Anna Jobling bakal duduk di bangku juri manakala Datuk AC Mizal sebagai pengacara utama. Persembahan dinilai 70% oleh juri dan 30% oleh undian penonton.

Juara akan memenangi RM150,000, tempat kedua dan ketiga akan membawa pulang RM75,000 dan RM50,000. MLS4 akan disiarkan secara langsung pada 22 September ini, setiap Ahad pukul 9 malam di Astro Warna.



Uncle Roger Buka Restoran Di Pavilion KL!

Pelawak dan Youtuber terkenal, Nigel Ng atau lebih dikenali sebagai Uncle Roger membuka restoran sulungnya 'Fuiyoh! It's Uncle Roger' di Pavilion Kuala Lumpur.

Nigel memilih Malaysia kerana menganggap negara ini memiliki hidangan terbaik di dunia, menjadikannya tempat yang sesuai untuk menetapkan standard tinggi bagi restorannya.

Pembukaan restoran ini juga memberinya alasan untuk kembali lebih kerap ke tanah air.

Bagi meraikan pembukaan restoran tersebut, Nigel akan cuba mencipta rekod dunia baharu melalui tiga cabaran, termasuk perhimpunan terbesar orang berpakaian seperti Uncle Roger, serta cabaran memecahkan telur dan membaling nasi goreng dalam masa 30 saat.

Hasanah Gold Threads Awards 2024 Iktiraf Penggiat Tekstil

Seramai 158 penggiat tekstil berkumpul dalam Hasanah Gold Threads Awards 2024 anjuran Yayasan Hasanah untuk mengiktiraf kecemerlangan dalam pengeluaran tekstil tradisional. Acara ini juga memberi peluang kepada peserta menonjolkan kreativiti dan jenama peribadi mereka.

Terdapat dua kategori baharu diperkenalkan iaitu kategori golongan muda dan kategori kelestarian, memberi peluang kepada semua peringkat umur untuk menyerlahkan bakat mereka.



Yayasan Hasanah turut memainkan peranan dalam memartabatkan dunia tekstil negara dan membuka mata orang ramai terhadap kepelbagaiannya penggunaan tekstil dalam kehidupan seharian.



9 New Airline Rules Every Malaysian Frequent Traveler Should Know

MAVCOM has introduced new airline policies under the Malaysian Aviation Consumer Protection Code (MACPC) 2024 to improve passenger rights. Key changes include:

1. Refunds for 5+ hour delays: Airlines must refund in the original payment method within 30 days.
2. Compensation for 2+ hour delays: Passengers receive meals, calls, and internet access.
3. Weather/security-related refunds: Full refunds for disruptions due to uncontrollable factors.
4. Refunds for fees: Mandatory charges like taxes and surcharges must be refunded.
5. Prompt removal of canceled flights: To avoid confusion on booking platforms.
6. Notification of schedule changes: Airlines must inform passengers of new times 24 hours in advance.
7. Boarding denials: Passengers must be notified at the check-in counter.
9. Flight schedule changes: Prohibited within two weeks of departure (from January 2025).
9. Honest advertising: Airlines must display all-inclusive ticket prices upfront.



Taeyang's Solo Tour Lands in Kuala Lumpur This December

Taeyang from BigBang will bring his "Taeyang 2024 Tour [The Light Year]" to Kuala Lumpur on 7 December 2024 at Axiata Arena.

It marks his first solo concert in seven years, featuring hits like "VIBE" and "Wedding Dress."

Tickets will be available from 7 October 2024 via etix.my.